



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2005**

---

#### **PINDAAN HARI REHAT SABTU**

##### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan bagi meminda Hari Rehat Sabtu Minggu Ketiga bulan Januari 2005 dan Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama bulan Februari 2005.

##### **PELAKSANAAN**


2. Kerajaan telah memutuskan supaya Hari Rehat Sabtu Minggu Ketiga pada 15 Januari 2005 ditunda kepada 22 Januari 2005 dan Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama pada 5 Februari 2005 ditunda kepada 12 Februari 2005.

3. Hari Rehat Sabtu yang ditunda tarikhnya ini tidak akan mengubah Waktu Bekerja kerana masa yang digunakan untuk menunda Hari Rehat Sabtu telah diganti dengan bekerja pada 15 Januari 2005 dan 5 Februari 2005.

## **PEMAKAIAN**

4. Tertakluk kepada penerimaan secara keseluruhannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

10 Januari 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan